

# RM1 juta dokumentasi DNA Hang Tuah

Oleh **NORLIZA MOHAMAD ZAKARIA**

pengarang@utusan.com.my

■ MELAKA 17 DIS.

**J**ABATAN Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) memerlukan dana sekurang-kurangnya RM1 juta bagi menjalankan kajian serta mendokumentasikan fakta-fakta berkaitan Hang Tuah, sekali gus memperkukuhkan bukti kewujudan laksamana Melaka itu.

Ketua Projek Bongkar Misteri Hang Tuah, Dr. Rohaidah Kamaruddin berkata, selain mengumpul bukti-bukti kewujudan Hang Tuah dari beberapa negara luar, dana itu akan digunakan untuk menjalankan ujian sampel asid deoksiribonukleik (DNA).

Katanya, kumpulan tersebut akan mendapat kerjasama daripada pakar dan agensi berkaitan dari Turki, Jepun, India, Thailand, Indonesia dan Singapura.

“Projek ini telah digerakkan sejak setahun lalu, bagaimanapun kami tidak mempunyai sebarang dana untuk menjalankan kajian ini, sebagai ketua projek saya amat mengharapkan dana ini untuk kita buktikan secara berfakta tentang kewujudan Hang Tuah.

“Sekurang-kurangnya RM1 juta

diperlukan kerana kami telah mememikan tempat di mana meriam kita dibuat, kita perlu buat kajian arkeologi dan DNA Hang Tuah perlu didokumentasikan, nak pergi ke negara-negara terlibat bukan senang kerana semuanya memerlukan dana,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menjadi salah seorang ahli panel forum Hang Tuah Memang Wujud di Banda Hilir, di sini hari ini.

Yang turut hadir Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Othman Muhamad; Pengerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (Iksep), Datuk Mohd. Jamil Mukmin dan Pengurus Bersarnya, Datuk Dr. Aziz Ujang.

Sementara itu, Rohaidah berkata, pada September lalu kumpulan-nya telah ke Okinawa,

Jepun untuk melihat dengan lebih dekat sebilah keris berlok sembilan di pekarangan Kuil Diraja Enkakuji Ryukyu berhampiran Istana Shuriji yang menjadi bukti jalinan hubungan antara Melaka dengan negara itu.

Dalam pada itu, Othman berkata, beliau akan menjalankan perbincangan dengan kerajaan negeri serta agensi terlibat bagi membolehkan sejumlah dana disalurkan bagi memastikan projek tersebut dapat digerakkan.



**ROHAIDAH**